Source: *Berita Minggu,* p11
Date: 29 June 2025

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Penulis Na Tien Piet Cina Peranakan pandai membait

Dengan nama pena, 'Si Kalam Langit' wartawan asal Bengkulu dikenali sebagai 'Baba Na', hasilkan syair kaya maklumat dan pendapat

DR AZHAR IBRAHIM

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan, Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera), Singapura. Dr Azhar Ibrahim Alwee ialah antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

Na Tien Piet, wartawan asal Bengkulu dikenali sebagai 'Baba Na' (gambar), menjalin hubungan baik dengan Datuk Bentara Luar Johor, Mohamad Salleh Perang, (1841-1915). – Foto UNTOLD HISTORIES OF MALAYA

BINTANG-TIMOR.
(THE EASTERN STAR.)
PUBLISHED EVERY TUESDAY. [No. 35.
SINGAPORE, 26TH OCTOBER, 1858.
Vol. I.]
Notice to Correspondents.
ADVERTISEMENTS intended for publication should be sent in the day previously before 12 o'clock noon.
BINTANG-TIMOR.
SINGAPORE, 26TH OCTOBER, 1858.

Akhbar, 'Bintang Timor' yang diterbitkan di Singapura pada 1850-an mengetengahkan keratan berita tentang Sultan Abu Bakar tulisan wartawan berdarah Cina Peranakan asal Bengkulu, Na Tien Piet. – Foto fail

"Dimasukkan karangan di surat khabar
Diwartakan segala panjang dan lebar
Kalam Langit nama termuktabar
Karang mengarang tertib dan sabar"

Nusantara semenjak dekad-dekad akhir abad ke-19 memperlihatkan rangkaian perhubungan yang pesat.

Penerbitan akhbar di satu tempat, boleh juga sampai ke daerah lain.

Penulis atau wartawan menjadi penghubung antara rantau dengan bahasa Melayu masih menjadi *lingua franca* di rantau ini.

Dunia percetakan dan persuratkhabaran kemudian melahirkan sekumpulan wartawan dan penulis.

Surat khabar yang terbit di kota pelabuhan seperti Singapura, Pulau Pinang, Batavia dan Surabaya umumnya dipelopori oleh pengusaha Jawi Pekan, Cina Peranakan dan Arab.

Walaupun peredarannya terhad, namun ia dilanggani oleh orang-orang besar dan ternama di rantau ini.

DUNIA PERSURATKHABARAN DI ALAM MELAYU

Percetakan membawa fasa sejarah yang besar di rantau ini.

Dengan percetakan lahir persuratkhabaran yang menyebarkan berita dengan lebih luas dan cepat.

Ertinya daerah yang berbahasa Melayu, semakin rapat dengan sebaran akhbar.

Kemudian berdatang pula percetakan buku dan majalah, dan ilmu baru makin tersebar, sama segerak dengan terdirinya sekolah-sekolah.

Pertukaran idea melalui bahasa melahirkan sejumlah Munshi dan akhirnya beberapa cerdik pandai tampil menguasai lebih daripada satu bahasa.

Perkembangan akhbar pula lahir sebarisan wartawan, yang juga mengambil peranan penulis karya sastera.

Bermulalah era pewarta, yang berbeza dari era pujangga dan perawi yang menulis untuk kepentingan kelompok yang memerintah.

Wartawan pula menulis untuk hebahan ramai, dengan maklumat dan pendapat sama terganding.

Itulah dunia kewartawanan yang diceburi Na Tien Piet, seorang Cina Peranakan asal Bengkulu kelahiran tahun 1836 M.

Beliau menjadi wartawan dalam Pemberita Betawi, dengan mengambil nama pena, Kalam Langit.

Baba Na teruja dengan kemasyhuran Sultan Abu Bakar (1886–1895) sehingga diberikan liputan dalam akhbar beliau.

Datuk Bentara Luar Johor, Mohamad Salleh Perang, (1841-1915), yang tertarik dengan rencana yang beliau tulis dalam Pemberita Betawi berkenaan Sultan Johor itu.

Sewaktu bermastautin di Singapura, beliau telah menulis keratan berita tentang Sultan Abu Bakar dalam akhbar, *Bintang Timor*, keluaran Singapura.

Semenjak itu, beliau menjalin hubungan baik dengan Datuk Bentara Luar.

Baba Na malah telah diundang ke Johor untuk menghadiri majlis perkahwinan puteri Sultan Johor.

Beliau turut diundang ke Istana Tyersall milik Sultan Johor yang terletak di Singapura.

Daripada pengalaman beliau inilah nanti terhasil, 'Shair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor' (1896).

Temasya di istana itu diceritakan, selain segala perihal tentang tokoh, peristiwa dan pemerintahan Sultan Abu Bakar sampailah baginda mangkat di London pada 1895.

Dalam Tawarikh Dato' Muhammad Salleh Perang, ada tercatat bahagian tentang Na Tien Piet meminta Datuk Bentara Luar untuk menceritakan riwayat dirinya, sehingga itulah yang terhasil Tawarikh tersebut.

Datuk Bentara Luar inilah daripada keturunan Datuk Perang, orang kuat Temenggong Abdul Rahman di Singapura dahulu.

Syair yang ratusan panjangnya ini merakam kehidupan istana, tokoh-tokoh, isu-isu lain dalam masyarakat.

Syair ini juga adalah antara ratusan syair yang mendapat tempat dalam masyarakat Melayu yang giat dikumpul dan dicetak pada hujung abad ke-19.

Kini syair itu sudah diterbitkan oleh Yayasan Warisan Johor diselenggarakan oleh Profesor Noriah Mohamed.

Ia terbahagi kepada dua bahagian, dengan setiap satu bahagian mengandungi 700 rangkap syair.

Syair ini juga adalah antara ratusan syair yang mendapat tempat dalam masyarakat Melayu yang giat dikumpul dan dicetak pada hujung abad ke-19.

Syair-syair yang terkandung berunsur sejarah dan rakaman sosial sangat penting diperhati dan dihayati kerana ia boleh menyalurkan '*a sense and passion of history*'.

Maksudnya ada singgungan khas, sehingga penceritaan tidak kaku dan membosankan.

Pastinya syair sebegini adakah dokumen kebudayaan dan sejarah, yang boleh kita bandingkan dengan lain-lain dokumen sejarah atau sezaman yang lain.

Maka peri penting syair sebegini wajar mendapat perhatian kita.

Pertama, penceritaan daripada syair itu adalah sebahagian daripada kesaksian sejarah, yang dialami, atau diperhatikan.

Kedua, bentuk syair memang sesuai dalam merakam tokoh atau peristiwa.

Ketiga, daripada syair-syair sebegini akan dapat kita menjejaki sentuhan dan sentimen peribadi sang penulis, selain latar zaman atau penulis yang dapat dibaca.

SIAPAKAH GERANGAN NA TIEN PIET?

Na Tien Piet ialah antara barisan Cina Peranakan yang giat menulis sastera dan karya umum untuk pembaca Peranakan yang mendominan di kota-kota pelabuhan.

Golongan ini dahagakan bahan bacaan, dan syair menjadi salah satu yang diminati.

Singapura sendiri menjadi pusat percetakan Melayu yang utama di rantau ini.

Inilah juga yang menarik perhatian Baba Na untuk akhirnya bermastautin di Singapura.

"Beta Peranakan bangsa Cina
Akal dan budi kurang sempurna
Kurang faham erti dan makna
Bukan orang yang bijaksana
Na Tien Piet namanya beta
Sudah mengenal syaimya beta
Sangat bebal sudahlah nyata
Kurang faham berkata-kata
Dilahirnya beta tempoh dahulu
Di dalam negeri nama Bengkulu
Beta bebal sangat terlalu
Mengarang syair rasanya malu"

Begitulah sikap rendah hati Baba Na yang masih memakai etos penulis Melayu di mana sikap merendah hati menjadi salah satu ciri kepengarangan.

Yang paling menonjol adalah beliau memuji Sultan Abu Bakar yang bebas daripada perintah penjajah, sedangkan banyak kerajaan di Nusantara sudah di bawah cengkaman kuasa Eropah.

"Cuma Almarhum Sultan merdeka
Raja Melayu punya mustika
Pantas orang Melayu banyak suka
Kepada Almarhum Sri Paduka."
"Negeri Sultan yang lain Kompeni perintah
Di Tanah Hindia kelilingnya rata
Banjak Kompeni yang mendapat harta
Sultannya dapat sedikit nyata."

Beliau beranggapan kemampuan ini disebabkan Sultan Abu Bakar membuka negeri kepada perkebunan besar-besaran dan perdagangan, selain mempunyai pendidikan Inggeris di Singapura.

Gurunya, Reverend Keasberry, yang "telah menyampaikan seluruh pengetahuannya kepadanya":

"Besarlah sudah duli Baginda
Diserahkan mengaji oleh ayahanda
Tuan Keasberry gurunya ada
Surat Inggeris diajarnya sudah."
"Apa ilmunya di dalam dada
Diberinya segala kepada Baginda
Segala ilmu berapa yang ada
Kepada Baginda diberinya sudah."

KECENDERUNGAN IDEA REFORMIS

Kecenderungan beliau melihat sisi ini kerana beliau sendiri terpengaruh dengan idea reformis yang mula didakapi oleh beberapa tokoh Cina Peranakan yang mahukan kemajuan dengan terbuka kepada pendidikan Barat.

Pandangan luas beliau juga kerana beliau sangat ligat berkelana di merata Hindia Belanda dan British Malaya. Sempat beliau ke Medan, dan mengadap ke Sultan Deli

"Pergi lah beta ke negeri Deli
Tinggal di Deli lama sekali,
Beta berkenalkan Ke Bawah Duli
Baginda Sultan Deli yang asali."
"Baginda kahwinkan adinda puteri
Kepada Sultan di Serdang Negeri
Baginda menjemput beta ke mari
Di dalam pesta minta dihadiri."

UNDANGAN KE MAJLIS ISTANA

Sangat besar hati Na Tien Piet apabila diundang ke majlis istana yang disebut 'pesta menari', yang diadakan di Istana Tyersall di Singapura.

Istana tersergam mewah ini dipujinya dengan segala macam hiasan, termasuk lampu elektrik yang terpasang.

> "Itulah Na Tien Piet yang menulis dengan rasa keakraban mendalam, malah ungkapan rendah hati dan puji syukurnya tidak berbeza daripada penulisan syair-syair Melayu klasik. Penulisan beliau adalah rakaman sezaman yang berharga, sekali gus mengetengahkan dirinya sebagai peribadi yang berbahasa manis, yang bersopan majlis, dan berpeduli reformis.
>
> **– Penulis.**

Sesampai di Istana, inilah beliau saksikan:
"Sampailah beta di dalam istana
Banyak yang datang ada di sana
Eropah, Arab, Melayu dan Cina
Semuanya memakai dengan sempurna
Istana itu di dalam Singapura
Sangatlah besar tiada terkira
Tiada ada banding dan tara
Perkakas dalamnya tiada murah
Sangatlah besarnya tempat menari
Dua ratus orang sekali berdiri
Serampak menari kanan dan kiri
Berpusing-pusing ke sana ke mari
Bersukalah hati segala orang
Api elektrik sangatlah terang
Segala orang hatinya girang
Macam api itu dilihat jarang
Sunggulah Baginda orang bangsawan
Baik budinya tiada terlawan
Banyak sekali sahabat dan kawan
Segala orang bangsawan dan hartawan."

BERSYAIR BERMAKLUMAT

Syair yang ditulis oleh Na Tien Piet ini kaya dengan maklumat dan pendapat.

Jelas dari 1,400 rangkap syair yang beliau hasilkan itu, beliau telah membuat kajian terlebih dahulu, mengumpulkan maklumat dengan cermat.

Pembesar Johor yang bertanggungjawab membangun negeri moden ini, disebutnya dengan puji sanjungan:

"Jaafar Datuk Perdana menteri
Dialah wakil almarhum bestari
Apabila almarhum keluar negeri
Bintang Johor almarhum beri
Mohamad Saleh nama yang nyata
Datuk Bentara Luar pangkat dikata
Jadi menteri di luarnya kota
Bintang Johor dapatlah serta
Ibrahim bin Abdullah nama dikata
Datuk Bentara Dalam pangkatnya nyata
Menjadi menteri di dalam kota
Bintang Johor dapatlah serta."

Bukan saja para Menteri dan pentadbir dipuji, malah kesejahteraan rakyat Johor disebutnya begini.

"Sangatlah adil hukum perintah
Kaya dan miskin disamakan rata
Tiada dipandang orang berharta
Menurut undang ada berkata
Jarang rakyatnya menghisap madat
Sangat taat berbuat ibadat
Sopan dan malu dan tahu adat
Siang malam membaca Syahdat."

Pendapat Baba Na tentang politik negeri yang sepakat dan rukun, dengan nada 'pujangga' yakni membilang satu hati antara Raja dengan Menteri untuk memajukan negeri. Disebutnya begini:

"Hendaklah sabar jangan pemarah
Apa dikerjakan hendaklah dikira
Dengan perlahan jangan segara
Apa yang dikerjakan sehala perkara
Hendaklah muafakat kepada Menteri
Apa dikerjakan jangan sendiri
Kerana Menteri orang yang bahari
Akalnya lanjut tiada terperi."

Itulah Na Tien Piet yang menulis dengan rasa keakraban mendalam, malah ungkapan rendah hati dan puji syukurnya tidak berbeza daripada penulisan syair-syair Melayu klasik.

Penulisan beliau adalah rakaman sezaman yang berharga, sekali gus mengetengahkan dirinya sebagai peribadi yang berbahasa manis, yang bersopan majlis, dan berpeduli reformis.

Kesimpulan daripada pengkaji Sastera Peranakan Cina, Claudine Salmon, menarik diperturunkan:

"Keperibadian Na Tien Piet tidak terbatas pada satu dunia kebudayaan sahaja.

"Di satu sisi, beliau cukup dekat dengan orang Cina Peranakan progresif di Singapura yang sering bekerjasama dengannya, tetapi oleh kerana beliau berasal dari Sumatera, beliau kurang terpengaruh oleh kebudayaan Inggeris jika dibandingkan dengan mereka, sehingga beliau lebih terikat pada dunia Melayu di mana beliau mempunyai banyak rakan.

"Baginya negeri Johor merupakan puncak sintesis yang terbaik antara nilai-nilai Barat dan Timur."

Sesungguhnya Na Tien Piet ialah tukang berita yang memasyhurkan Sultan Abu Bakar dan Johor, sekali gus penyumbang kepada historiografi dan sastera Johor.

Pastinya ia termasuk dalam senarai syair-syair yang ditulis oleh penulis Cina Peranakan di rantau ini.

Berkalamnya beliau dalam sejarah juga bererti hadirnya bersekelumit dan berkenyit.

Bagi yang menuntut Pengajian Melayu, syair Baba Na adalah lembaran sastera dan budaya yang berharga.

Bagi para penulis lainnya pula, ayuhlah kita meminjam pendoman daripada si Kalam Langit ini:

"Sukar sekali karang-mengarang
Hendaklah difikirkan dengan terang
Tiada boleh dikarang sembarang
Jikalau tersalah diumpat orang
Karang-mengarang suatu ilmu
Supaya yang membaca jangan jemu
Cari sajaknya sampai bertemu
Supaya terpuji namanya kamu."

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.